

AKTA FEE 1951

**PERINTAH FEE (KEMUDAHAN)
(INSTITUT HAIWAN KLUANG)1995**

[P.U. (A) 292/1995]

PERINTAH FEE (KEMUDAHAN) INSTITUT HAIWAN KLUANG

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 10 Akta Fee 1951, yang di-Pertuan agong membuat perintah yang berikut:

1. Nama dan mula berkuatkuasa

Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Fee (Kemudahan) (Institut Haiwan Kluang)1995 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 17 Ogos 1995.

2. Tafsiran

Dalam perintah ini,melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain--

“Institut’ ertinya Institut Haiwan Kluang;

“sehari”ertinya dari 8.00 pagi hingga 4.15 petang bagi hari Isnin hingga Jumaat dan dari 8.00 pagi hingga 12.45 tengahari bagi hari Sabtu;

“setengah hari” ertinya dari 8.00 pagi hingga 12.45 tengahari;

3. Fee dan bayaran

(1) Fee dan bayaran yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual Pertama hendaklah dikenakan oleh Institut berkenaan dengan kemudahan yang dinyatakan dalam jadual tersebut.

(2) Jika penggunaan kemudahan melebihi sehari,penyewa kenderaan, rakaman video atau rakaman semula video adalah dikehendaki membayar elaun lebih masa,elaun makan,elaun harian dan elaun tempat tinggal, mengikut mana-mana yang berkenaan,kepada pemandu,kelindan dan pegawai perakam video mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual Kedua sebagai tmbahan kepada fee dan bayaran yang ditetapkan dalam subperenggan.

4. Pembayaran fee dan bayaran

(1) Fee dan bayaran yang ditetapkan di bawah Perintah ini hendaklah kena dibayar kepada Institut oleh orang yang baginya kemudahan itu diadakan.

(2) Semua fee dan bayaran yang ditetapkan di bawah Perintah ini hendaklah kena dibayar sepenuhnya.

JADUAL PERTAMA
[subperenggan 3(1)]

(1) Kemudahan	(2) Fee/Bayaran (RM)	
	(a) Agensi Swasta	(b) Jabatan Kerajaan/ Badan Berkanun
1. Kemudahan dewan:		
<i>a.</i> auditorium	40.00 sejam atau 125.00 bagi setengah hari atau 250.00 sehari	25.00 sejam atau 75.00 bagi setengah hari atau 150.00 sehari
<i>b.</i> dewan utama	25.00 sejam atau 75.00 bagi setengah hari atau 150.00 sehari	20.00 sejam atau 50.00 bagi setengah hari atau 100.00 sehari
<i>c.</i> kerusi	0.30 setiap kerusi sehari	0.30 setiap kerusi sehari
<i>d.</i> meja	0.30 setiap meja sehari	0.30 setiap meja sehari
2. Kemudahan bilik kuliah:		
<i>a.</i> bilik kuliah (hawa dingin)	25.00 sejam atau 50.00 bagi setengah hari atau 100.00 sehari	8.00 sejam atau 32.00 bagi setengah hari atau 75.00 sehari
<i>b.</i> bilik kuliah (tanpa hawa dingin)	10.00 sejam atau 25.00 bagi setengah hari atau 50.00 sehari	5.00 sejam atau 15.00 bagi setengah hari atau 30.00 sehari
<i>c.</i> bilik sindiket	5.00 sejam atau 15.00 bagi setengah hari atau 30.00 sehari	4.00 sejam atau 10.00 bagi setengah hari atau 20.00 sehari
3. Makmal komputer	20.00 seunit sehari	10.00 seunit sehari
4. Kemudahan penginapan:		

a. bilik bujang	20.00 semalam	10.00 semalam
b. kelamin	40.00 semalam	20.00 semalam
c. bilik tetamu	100.00 semalam	60.00 semalam
5. Pengangkutan:		
a. bas (tanpa hawa dingin)		
- bas yang muatan duduknya tidak melebihi 44 orang	Tidak dibenarkan	75.00 sehari
- bas yang muatan duduknya tidak melebihi 25 orang	Tidak dibenarkan	50.00 sehari
b. bas (hawa dingin)	Tidak dibenarkan	150.00 sehari
c. lori (dikenakan pergi dan balik)	2.00 se km (minimum RM75.00)	1.00 se km (minimum RM30.00)
6. Kemudahan alat pandang dengar:		
a. sistem projector overhed atau sistem siur raya	20.00 seunit sehari	10.00 seunit sehari
b. rakaman video	Tidak dibenarkan	1.00 seminit
c. rakaman semula video	Tidak dibenarkan	0.10 seminit
d. tayangan video (satu pita televisyen dan video disediakan)	Tidak dibenarkan	30.00 sehari

JADUAL KEDUA

[subperenggan 3(2)]

**KADAR BAYARAN YANG KENA DIBAYAR BAGI KEMUDAHAN
YANG DIGUNAKAN LEBIH DARIPADA SATU HARI**

Bayaran
(RM)

Pemnadu, kelindan dan Pegawai
perakam video

(a) Elaun lebih masa
(bagi satu jam)

(i) Kadar bagi pekerja biasa
(*Isnin hingga Sabtu*)

$$\frac{\text{Satu bulan gaji} \times 12 \times 2}{2504}$$

atau

(ii) Kadar bagi hari kelepasan
(*hari Ahad dan cuti umum*)

$$\frac{\text{Satu bulan gaji} \times 12 \times 1 \frac{1}{8}}{2504}$$

Kategori

	V & VI	VII	VIII	IX	X	XI
(b) elaun harian	17.50 sehari	16.00 sehari	15.00 sehari	13.00 sehari	12.50 sehari	10.00 sehari
(c) elaun makan	35.00 sehari	32.00 sehari	30.00 sehari	26.00 sehari	23.00 sehari	20.00 sehari
(d) elaun tempat tinggal-						
(i) hotel; atau	80.00 sehari	70.00 sehari	65.00 sehari	60.00 sehari	55.00 sehari	45.00 sehari
(ii) Lojing	27.00 sehari	24.00 sehari	22.00 sehari	20.00 sehari	16.00 sehari	16.00 sehari

Dibuat pada 20 Julai 1995,
[KP/LA/494/7; PN.(PU²)86/VI]

Dengan Titah Perintah,

DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
Menteri Pertanian

(Akan dibentangkan di meja Dewan Rakyat menurut seksyen 4, Akta Fee 1951.)